

PM mahu MIGHT tumpukan R&D bantu golongan miskin

KUALA LUMPUR 16 Dis 2003
Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) menumpukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari sumber ekonomi dan pendapatan baru untuk golongan miskin di negara ini.

Beliau yang kini menjadi Penaung MIGHT sejak mengambil alih jawatan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad mengiktiraf pencapaian cemerlang agensi itu selama 10 tahun, namun menegaskan masih banyak ruang untuk pembaharuan.

"Kita tidak boleh terus mengulangi apa yang telah

17 DEC 2003
dilakukan sebelum ini sebaliknya perlu menghadapi cabaran baru untuk bersaing dan ini memerlukan peningkatan keupayaan yang sepenuhnya.

"Saya mahu melihat lebih banyak usaha dibuat untuk membangunkan pertumbuhan baru sama ada teknologi mahupun sumber pendapatan untuk orang miskin dan bioteknologi merupakan satu daripadanya," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena 10 tahun MIGHT dan taklimat khas kepada beliau selaku penaung, di sini malam ini.

Taklimat diberikan oleh

Pengerusi Bersama MIGHT di pihak kerajaan yang juga Penasihat Sains Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharudin Idrus dan di pihak industri, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali serta Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr. Ahmed Tasir Lope Pihie.

Perdana Menteri berkata, MIGHT perlu mengeksploitasi sumber-sumber semula jadi yang banyak di dalam negara dengan sepenuhnya.

Beliau yakin usaha tersebut dapat dijayakan dengan membuka kuasa minda para cendekiawan dan ahli akademik di pusat pengajian tinggi.

"Saya fikir universiti dan kolej boleh melakukan lebih

banyak lagi dan kita memang memerlukan lebih ramai saintis dan penyelidik.

"MIGHT boleh memainkan peranan dengan memimpin kerajaan dalam bidang latihan dan pendidikan," katanya.

Sekiranya peranan tersebut diberi perhatian khusus, Abdullah yakin MIGHT akan menemui bidang baru yang boleh membantu kerajaan mewujudkan sumber pendapatan baru untuk negara.

Beliau juga berharap agensi itu dapat mewujudkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan muda terutama yang baru keluar universiti.